

Selangor lancar aplikasi pelancongan 'Go Selangor'

Oleh Ruwaida Md Zain - April 15, 2022 @ 5:34pm
bhnews@bh.com.my

SHAH ALAM: Kerajaan negeri melalui Tourism Selangor dengan kerjasama TourPlus Technology rasmi melancarkan aplikasi pelancongan 'Go Selangor' yang boleh diakses di seluruh dunia sebelum datang melancong ke negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Hee Loy Sian berkata, pelancong dalam dan luar negara tidak perlu menggunakan perkhidmatan ejen sebaliknya boleh membuat semua tempahan secara terus melalui aplikasi itu.

"Aplikasi ini adalah satu pusat sehenti di mana kita menggalakkan semua pelancong yang hendak datang ke Selangor membuat semua tempahan melalui aplikasi ini."

"Mereka boleh membuat tempahan tiket, penginapan, pengangkutan, tempat makan, aktiviti sepanjang percutian dan pelbagai lagi."

"Selangor menjadi negeri pertama melancarkan aplikasi yang memudahkan aktiviti pelancongan seumpama ini di Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman sempena Pelancaran Aplikasi Go Selangor di Red Carpet 2 iCity di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Tourism Selangor, Azrul Shah Mohamad serta Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif TourPlus Technology, Rickson Goh.

Loy Sian berkata, pengguna android dari seluruh dunia sudah boleh mengakses aplikasi 'Go Selangor' bermula bulan ini manakala pengguna iOS bermula Mei depan.

"Mereka yang ingin melawat dan bercuti di Selangor boleh akses di mana sahaja berada kerana aplikasi ini meliputi semua, ini satu platform untuk datang ke Selangor secara terus," katanya.

Dalam pada itu katanya, kerajaan negeri mensasarkan 100,000 operator yang akan memberikan banyak pilihan kepada pelancong di dalam aplikasi Go Selangor hingga akhir tahun ini.

"Buat masa ini, kita ada 300 operator, sasaran kita hujung tahun ini meningkat kepada 100,000 operator untuk beroperasi di aplikasi ini."

"Kita ada Tourplus dan Tourism Selangor untuk memastikan sasaran ini tercapai yang akan pantau dari semasa ke semasa dan kita akan menggalakkan lebih ramai operator untuk serta aplikasi Go Selangor."

"Operator yang menyertai Go Selangor hanya perlu bayar RM300 setahun, ini caj munasabah tetapi tahun pertama percuma," katanya.

Beliau berkata, pembangunan aplikasi Go Selangor bertujuan mempromosikan semua tempat menarik di negeri ini terutamanya yang kurang dikenali.

Sementara itu katanya, beliau berharap kedatangan pelancongan di Selangor kembali rancak sebagaimana sebelum pandemik pada 2019.



Kakitangan Tourism Selangor, Tengku Farah Emrya Tunku Mohammad Shaharil, menunjukkan aplikasi Go Selangor pada Pelancaran Aplikasi Go Selangor di Red Carpet 2 iCity, Shah Alam - Foto NSTP/Faiz Anuar